

21/06/1999

Razaleigh ketua Umno Kelantan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini membuat kejutan dengan mengumumkan pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Pelantikan Ahli Parlimen Gua Musang yang juga bekas Presiden Parti Semangat 46 itu, dibuat dalam mesyuarat badan itu di rumah Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed di sini, beberapa jam selepas Perhimpunan Agung Umno berakhir.

Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh hadir sama dalam mesyuarat itu. Bekas Menteri Kewangan itu menggantikan Dr Mahathir yang menjadi pengerusi badan berkenaan sejak 1990.

Pelantikan Tengku Razaleigh, yang juga bekas Naib Presiden Umno itu selaku Pengerusi Badan Perhubungan Kelantan sebelum ini disebut-sebut sebagai 'kejutan' yang dijanjikan oleh Dr Mahathir kepada akhbar menjelang perhimpunan agung.

Bercakap selepas mesyuarat malam ini, Dr Mahathir berkata, beliau meletak jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan dan mencadangkan supaya Tengku Razaleigh menggantikannya.

Menurutnya, cadangan itu dipersetujui sebulat suara oleh ahli Badan Perhubungan Umno Kelantan dan pelantikan berkenaan berkuat kuasa serta-merta.

Bagaimanapun, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, yang tidak hadir malam ini kerana melakukan lawatan rasmi ke Sarawak, kekal sebagai timbalan pengerusi badan itu.

Tengku Razaleigh berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana mempunyai keyakinan terhadapnya dan berjanji bekerja keras bagi mendapatkan sokongan rakyat Kelantan.

Beliau menyifatkan pelantikan itu bukan saja satu penghormatan tetapi tanggungjawab yang terpaksa dipikulnya demi kepentingan rakyat Kelantan dan Umno.

"Saya percaya dengan adanya persediaan daripada pemimpin-pemimpin kita untuk turun ke bawah, insya-Allah, pengundi akan mengundi kita kali ini," katanya.

(END)